

Bab 2

RESENSI PENYELIDIKAN YANG BERKAITAN

2.1. Pengenalan

Analisis kontrastif (CA) adalah satu subdisiplin linguistik yang berkait rapat dengan perbandingan linguistik di antara dua atau lebih daripada dua bahasa atau perbandingan di antara subsistem di antara dua atau lebih daripada dua bahasa untuk menentukan perbezaan dan persamaan di antara bahasa tersebut. (Fisiak, 1981:1)

Menurut Fisiak (1981:2-3), terdapat dua jenis kajian kontrastif iaitu kajian kontrastif teoretikal dan kajian kontrastif terapan. Kajian kontrastif teoretikal ialah satu pemerian tentang persamaan dan perbezaan di antara dua atau lebih bahasa yang dibandingkan. Melalui pemerian tersebut, seseorang pengkaji boleh mengkontras elemen-elemen dalam bahasa yang dibandingkan. Kajian yang pertama kali diterbitkan ialah kajian Grandgent (1892), Vieter (1894), Passy (1912) dan Bogorodickij (1915) yang merupakan analisis kontrastif teoretikal.

Kajian kontrastif terapan pula ialah satu perbandingan bahasa berasaskan dapatan kajian kontrastif teoretikal. Dalam kajian kontrastif terapan, seseorang pengkaji mengkaji bagaimana unsur-unsur dalam B1 muncul dalam B2 dan mengidentifikasi kesulitan yang dihadapi semasa

mempelajari B2.

CA adalah satu teknik analisis linguistik yang diperkembangkan berdasarkan aliran Strukturalisme Bloomfield (1933) untuk membekalkan satu analisis yang teliti tentang bahasa. CA diterima dan diperkembangkan oleh linguis yang lain seperti Fries(1945), Weinreich(1953), Lado(1957) dan Politzer(1965) (Minder Kaur,1994:17-18)

Selepas tahun 1945, timbul minat tentang pembelajaran bahasa asing di Amerika Syarikat. Kajian kontrastif diiktiraf sebagai kaedah yang penting dalam metodologi pengajaran bahasa asing. Akibatnya satu siri kontrastif tesis, disertasi dan monograf diterbitkan. (Fisiak,1981:4)

Fasa awal CA adalah berhubung rapat dengan aliran strukturalisme di Amerika Syarikat. Kebanyakan CA peringkat awal adalah ditulis di bawah pengaruh strukturalisme yang dianjurkan oleh Bloomfield yang menegaskan perbezaan yang wujud di antara bahasa. Pemerian bahasa yang diterima oleh CA telah berubah akibat daripada perkembangan dalam teori linguistik. Pendekatan strukturalisme di dalam analisis fasa awal telah digantikan dengan model Nahu Transformasi Generatif dalam analisis yang dijalankan pada peringkat kemudian (Kari Sajavaara,1981:34-37).

Pada Julai 1959, Center for Applied Linguistics (Pusat Linguistik Terapan) di Washington telah memulakan satu projek “Contrastive Structure Studies” untuk mencari persamaan dan perbezaan antara dua bahasa yang dikaji. Projek yang dijalankan oleh sekumpulan ahli linguistik ini bertujuan

untuk membandingkan bahasa Inggeris dengan bahasa-bahasa moden yang diajar di Amerika Syarikat iaitu bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Itali, bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol agar dapat membekalkan maklumat kepada guru-guru bahasa dan pengarang-pengarang buku teks untuk bahasa-bahasa tersebut. Hasil daripada projek ini ialah munculnya Contrastive Structure Series yang diterbitkan oleh University of Chicago Press pada tahun 1963. (Linguistic Reading Lists for Teachers of Modern Language iii-iv)

Analisis kontrastif ditakrifkan sebagai satu perbandingan sistematis ciri-ciri linguistik tertentu ke atas dua atau lebih daripada dua bahasa. Analisis kontrastif dapat membekalkan maklumat kepada guru-guru bahasa dan pengarang-pengarang buku teks, membantu guru-guru bahasa untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran, membuat perancangan kursus dan teknik-teknik pengajaran di dalam bilik darjah. Hammer dan Rice (1965) menyatakan:

“... a systematic comparison of selected linguistic features of two or more languages, the intent of which is...to provide teachers and textbook writers with a body of information which can be of service in the preparation of instructional materials, the planning of courses and the development of classroom techniques”

Tanggapan asas kajian kontrastif ialah pelajar yang mempelajari B2 mendapati ciri-ciri yang senang dipelajari dan ada juga ciri-ciri yang sukar dipelajari. Unsur-unsur atau ciri-ciri yang sama dengan B1 akan menyenangkan pembelajaran dan unsur yang berlainan yang didapati di dalam B2 akan merumitkan pembelajaran. Guru yang membuat perbandingan di antara B1 dan B2 akan mengetahui masalah pembelajaran dan dapat

mengajar dengan lebih baik dan berkesan. (Lado,1957:2)

2.2. Hipotesis

Hipotesis CA (Lado:1957; Jack C.Richards:1971 dan Zainab Bt. Abdul Majid:1984) adalah seperti yang berikut:

1. Mempelajari sesuatu bahasa adalah soal kelaziman (habit formation) .
Andaian ini didapati daripada paradigma am psikologi tingkah laku. Pembentukan tabiat boleh diuraikan dalam pelbagai cara dan kesemuanya bergantung kepada prinsip Perkaitan iaitu kekerapan, kehampiran, kekuatan dan lain-lain lagi. Dalam setiap peristiwa terdapat rangsangan dan gerak balas yang seterusnya menjadi tabiat.
2. Suatu tabiat lama iaitu B1 akan menghalang atau memudahkan pembentukan tabiat baru iaitu pembelajaran B2. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang mempelajari sesuatu B2 akan cuba untuk memindahkan item-item atau struktur-struktur dalam B1 ke dalam B2.
3. Gangguan akan berlaku pada semua paras struktur linguistik iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Gangguan ini mungkin akan mempengaruhi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
4. Perbandingan dua bahasa boleh mengesan persamaan dan perbezaan antara B1 dan B2. Berdasarkan perbezaan antara dua bahasa yang dikaji itu, CA dapat meramal kesulitan yang akan dihadapi oleh seseorang yang mempelajari B2. Ramalan ini dapat dilakukan berlandaskan

tanggapan bahawa persamaan antara B1 dan B2 tidak akan menyebabkan masalah tetapi perbezaannya akan menimbulkan masalah.

5. Huraian ke atas B1 dan B2 mestilah berlandaskan kerangka metodologi yang sama yakni sekiranya metodologi struktural yang dijadikan sebagai asas maka pemerian kedua-dua bahasa iaitu B1 dan B2 haruslah berdasarkan metodologi yang sama.

Hipotesis CA mempunyai dua jenis versi iaitu versi kuat (strong version) dan versi lemah (weak version). Di dalam versi lemah, penyelidik perlu mengenal pasti dan menjelaskan kesilapan yang berlaku.

Versi kuat menyatakan bahawa dua bahasa boleh dibandingkan untuk meramalkan kesulitan pelajar. Seseorang penyelidik boleh membandingkan sistem atau struktur di dalam B1 dan B2 untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang wujud. Melalui perbezaan yang wujud di dalam B1 dan B2 , seseorang penyelidik dapat meramalkan kesulitan yang mungkin akan dihadapi oleh seseorang yang mempelajari B2. (Udo Ekanem Essien,1978:48)

2.3. Gangguan

Linguis dan guru-guru bahasa menumpukan perhatian penuh kepada hipotesis CA pada tahun 1950an. Fries (1945) dan Lado (1957) menyatakan

bahawa melalui pemerian secara struktural B2 dan B1 seseorang pengkaji dapat meramal kesulitan yang akan dihadapi oleh seseorang pelajar dalam proses pembelajaran B2.

Dalam proses pembelajaran B2, pelajar-pelajar biasanya mempunyai kecenderungan untuk memindahkan bentuk dan makna dalam B1 ke dalam B2. Ini dapat dijelaskan melalui pernyataan Lado (1957:2):

“...individuals tend to transfer the forms and meaning, and the distribution of forms and meanings of their native language and culture to the foreign language and culture.”

Terdapat dua jenis pemindahan iaitu pemindahan positif dan pemindahan negatif. Pemindahan positif ialah pemindahan dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain dan pemindahan ini menyenangkan pembelajaran bahasa sasaran. Pemindahan negatif pula adalah pemindahan dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain yang akan mengganggu proses pembelajaran bahasa sasaran. Weinreich mendefinisikan gangguan (interference) sebagai kelainan-kelainan daripada norma-norma dalam mana-mana bahasa yang telah muncul dalam pertuturan mereka yang berdwibahasa. Fenomena ini dinamakan gangguan. Weinreich (1953:1) menyatakan:

“...those instances of deviation from the norms of either language which occurs in the speech of bilinguals as a result of their familiarity with more than one language, i.e. as a result of language contact, will be referred to as INTERFERENCE phenomena.”

Gangguan atau interference ini berlaku kerana terdapat struktur dalam sistem linguistik B2 yang tidak wujud dalam B1. Gangguan ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor struktural dan faktor-faktor bukan struktural.

Dalam proses pengajaran B2, bahan pengajaran yang berkesan ialah bahan pengajaran yang berdasarkan pemerian saintifik kedua-dua bahasa iaitu B1 dan B2. Adalah lebih baik sekiranya seseorang pengajar, khususnya pengajar yang merupakan penutur asli bahasa sasaran mempunyai pengetahuan bahasa ibunda pelajar-pelajar. Ini adalah kerana pengetahuan itu membolehkan seseorang pengajar mengetahui persamaan dan perbezaan yang wujud di antara B1 dan B2 dan seterusnya dapat menyusun bahan pengajaran yang berkesan. Ini dapat dijelaskan dengan pernyataan Charles Fries (1945 :9) bahawa:

“...the most effective materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner”.

Di samping itu, dengan adanya pemerian dan perbandingan B1 dan B2 seseorang pengajar dapat mengajar dengan lebih berkesan kerana melalui perbandingan yang dilakukan, dia dapat mengetahui perbezaan dan persamaan yang wujud. Seseorang pengajar harus memberi penjelasan yang

teliti tentang perbezaan yang wujud antara B1 dan B2 sebelum memberi latihan sama ada secara lisan atau tulisan. Ini kerana dengan menonjolkan perbezaan, seseorang pelajar dapat memahami B2 dengan lebih mudah. Melalui pernyataan Shen (1948:2) adalah bahawa:

“Before the teacher drills the students orally, it is advisable for him to explain to them the pattern to be practiced. By pointing out the difference the teacher will find it easier to get the problem across to the students and by knowing the difference the students will find it easier to learn the foreign language”.

Dalam proses pembelajaran B2, jika seseorang pelajar tidak dapat menyebut sesuatu bunyi yang terdapat dalam B2, maka, seseorang pelajar akan menggantikan bunyi B2 dengan sebutan yang terdekat dalam B1. (Zainab Bt. Abdul Majid, 1984:110) Jadi, B1 mempunyai pengaruh yang besar dalam proses pembelajaran B2. Oleh itu, seseorang pengajar harus mempunyai pengetahuan tentang B1 pelajar-pelajar yang mempelajari B2. Dengan membandingkan secara sistematik kedua-dua bahasa, iaitu B1 dan B2 termasuk juga budaya B2 yang akan dipelajari oleh pelajar, seseorang pengajar dapat meramal kesulitan yang akan dihadapi oleh pelajar. Lebih-lebih lagi, perbandingan ini membolehkan seseorang pengajar menyediakan bahan pengajaran yang kemas kini dan berkesan. Ini dapat difahami dengan lebih teliti melalui andaian Lado (1957:2):

“ ... we can predict and describe the patterns that will cause difficulty in learning, and those that will not cause difficulty, by comparing systematically the language and culture to be learned with the native language and culture of the student. In our view, the preparation of up-to-date pedagogical and experimental materials must be based on this kind of comparison.”

2.4. Kritikan Dan Implikasi Analisis Kontrastif Dalam Pedagogi

Sungguhpun analisis kontrastif telah banyak menyumbang dalam bidang pengajaran bahasa asing namun analisis kontrastif dikritik oleh segolongan linguis. Kritikan-kritikan itu adalah berkenaan dengan andaian analisis kontrastif. Analisis kontrastif mengutamakan perbezaan di antara B1 dan B2 kerana perbezaan tersebut akan menimbulkan masalah dalam proses pembelajaran B2.

Selain itu, konsep ramalan (prediction) yang merupakan tumpuan dalam pernyataan Lado juga menjadi tanda tanya kepada linguis yang lain yang mempersoalkan kuasa ramalan CA.

Pokok-pokok persoalan yang menjadi kritikan utama ialah:-

1.Kesahan tentang kuasa ramalan CA

Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bukan sahaja berlaku apabila terdapat perbezaan B1 dan B2 yakni bukan sahaja disebabkan oleh gangguan B1 tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain. Dulay dan Burt

menamai kesalahan ini sebagai “unique goofs”. Menurut Dulay dan Burt (1974:115), “unique goofs” ialah kesalahan yang bukan disebabkan oleh gangguan B1 dan juga tidak terdapat dalam data pemerolehan B2. Kesalahan-kesalahan seperti “intralingual” dan “developmental errors” juga tidak dapat diramalkan oleh CA. Faktor-faktor lain yang menyebabkan berlakunya kesalahan mungkin adalah seperti yang berikut (Richards, 1974:174-179):

a) Generalisasi melampau B2 (Over-generalization)

Generalisasi melampau B2 bermakna seseorang pelajar cuba mencipta struktur yang menyimpang dalam B2 berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya yang terhad dalam B2.

“... the learner creates a deviant structure on the basis of his experience of other structures in the target language.”

b) Kejadian tentang sekatan peraturan (Ignorance of rule restrictions)

Seseorang yang mempelajari B2 itu tidak mengetahui sekatan peraturan dalam B2 dan mengaplikasikan peraturan dalam konteks yang tidak sesuai.

“Closely related to the generalization of deviant structures is failure to observe the restrictions of existing structures, that is, the application of rules to contexts where they do not apply.”

c) Penggunaan peraturan secara tidak sempurna (Incomplete application

of rules)

Dalam situasi di mana seseorang pelajar yang mempelajari B2 mengetahui peraturan secara umum dan dapat menggunakan dengan betul tetapi tidak mempelajari peraturan itu dengan sempurna. Contohnya dapat membina ayat dengan menggunakan kata tanya tetapi tidak tahu bahawa ayat tanya juga boleh dibentuk tanpa penggunaan kata tanya.

“ ... the occurrence of structures whose deviancy represents the degree of development of rules required to produce acceptable utterances... a statement form may be used as a question, one of the transformations in a series may be omitted, or a question word may simply be added to the statement form.”

d) Andaian salah konsep (False concepts hypothesized)

Andaian salah konsep bermakna pemahaman yang salah dalam B2. Ini kadang kala disebabkan oleh pengajar tidak dapat mengajar dengan betul.

“... these is a class of developmental errors which derive from faulty comprehension of distinctions in the target language. These are sometimes due to poor gradation of teaching items.”

Kajian-kajian yang dilakukan oleh H.V.George and D.Lance dapat membuktikan bahawa kebanyakan kesalahan yang dilakukan disebabkan oleh unsur- unsur lain daripada gangguan B1.

H.V.George (1972) dalam bukunya berjudul Common Errors In Language Learning:Insight from English membuktikan bahawa hanya satu pertiga daripada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajarnya dalam tesis mereka berkaitan dengan struktur dalam B1.

D.Lance (1969) melaporkan bahawa satu pertiga hingga dua pertiga daripada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar asing bukan merupakan pengaruh B1. Ini adalah kajian mengenai orang Sepanyol mempelajari bahasa Inggeris. Dalam analisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Perancis dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris, Ervin-Tripp (1970) mendapat kesimpulan yang sama.

2. Perbezaan linguistik antara B1 dan B2 tidak sama dengan kesulitan yang dihadapi dalam proses pembelajaran. Ciri-ciri dalam B2 yang tidak terdapat dalam B1 tidak semestinya akan mewujudkan kesulitan dalam proses pembelajaran.

2.5. Kesimpulan

Walaupun terdapat kritikan tentang analisis kontrastif, namun penyelidikan analisis kontrastif ini dijalankan kerana melalui pemerhatian empiris saya sebagai seorang pengajar, saya mendapati bahawa pelajar-pelajar menghadapi masalah semasa mempelajari bunyi-bunyi dalam B2 yang tidak wujud dalam B1. Contohnya bunyi [λ], [R] dan [ðe] yang wujud dalam BPS tetapi tidak wujud dalam BMS pelajar-pelajar mempunyai kecenderungan menggantikan [λ] dengan [j]; [R] dengan [r] dan [œ] dengan [oi]. Selain itu, pelajar-pelajar juga menghadapi masalah sebutan untuk [ɑ̄] yang hadir di posisi akhir kata.

Untuk $\tilde{[\alpha]}$ yang hadir di posisi tengah kata pelajar-pelajar menghadapi kurang masalah sebutan kerana $\tilde{[\alpha]}$ adalah sama dengan [an] dalam BMS. Jadi, pelajar-pelajar dapat sebut dengan betul $\tilde{[\alpha]}$ di posisi tengah kata tetapi tidak dapat sebut dengan betul $\tilde{[\alpha]}$ di posisi akhir kata. Ini merupakan gangguan B1 dan CA adalah satu-satunya kaedah yang digunakan untuk membuat penjelasan. Oleh itu, seseorang pengajar boleh menggunakan CA untuk mengajar dan menyediakan bahan pengajaran yang berkesan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa gangguan B1 memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran B2.

Pada pendapat saya, selagi analisis kontrastif memberi sumbangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran B2, analisis kontrastif patut dihargai. Kesimpulannya, walaupun kritikan negatif dilemparkan ke atas andaian analisis kontrastif, namun tidak dapat diabaikan tentang faedah atau manfaat analisis kontrastif dalam bidang pedagogi.

Kajian saya ditumpukan dalam aspek fonologi kerana ramalan CA lebih berkesan dalam aspek fonologi. Ini dapat diperhatikan melalui pernyataan Jack C. Richards (1974 : 172):

“ ... contrastive analysis may be most predictive at the level of phonology, and least predictive at syntactic level.”